

Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Mazura Anuar
International Education Centre (INTEC)
Universiti Teknologi MARA, Sek. 17,
40450 Shah Alam
Mazura042@salam.uitm.edu.my

Fairus Muhamad Darus dan Syed Yusainee Syed Yahya
Institut Sains, Fakulti Sains Gunaan
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam
fairusmd@salam.uitm.edu.my, Syedy237@salam.uitm.edu.my

Abstrak: Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan tidak terkecuali juga kepada pengurusan kolej kediaman. Kolej kediaman merupakan tempat utama bagi kebanyakan pelajar menghabiskan masa selain daripada di fakulti. Selain daripada menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penginapan dan makanan kepada pelajar, kolej kediaman juga bertindak menyediakan program pembangunan dan kepimpinan pelajar. Kertas kerja ini membincangkan peranan dan cabaran yang bakal dihadapi oleh setiap kolej kediaman di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam di dalam memperkasakan modal insan.

Katakunci: Modal insan, Kolej Kediaman, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

1.0 Pendahuluan

Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, telah meletakkan usaha membina modal insan sebagai teras kejayaan bangsa dan negara. Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan.

Kesungguhan untuk membangunkan modal insan jelas dizahirkan melalui kandungan strategi bajet negara bagi tahun 2006. Peruntukan sebanyak 5 billion ringgit telah diagihkan bertujuan membekalkan warga Malaysia dengan pendidikan berkualiti supaya menjadi tenaga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan mengamalkan nilai murni untuk menghayati budaya kerja berprestasi tinggi. Pendidikan berkualiti akan juga memastikan mereka kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan dengan itu, mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Kertas kerja ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh universiti khususnya oleh Kolej Kediaman, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dari perspektif Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam di dalam menghayati dan melaksanakan hasrat pemimpin negara untuk melahirkan insan yang bukan sahaja berilmu tetapi mempunyai personaliti unggul serta berakhlak mulia bagi mencapai Wawasan 2020.

2.0 Peranan UiTM di dalam penjanaan modal insan

Universiti merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang berperanan sebagai pemangkin kepada proses penjanaan ilmu. Selain itu universiti juga mempunyai tugas menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan berketrampilan bagi memenuhi keperluan dan aspirasi negara sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara serta Wawasan 2020. Perkembangan dunia global hari ini memerlukan sumber tenaga yang berpendidikan, berkemahiran dan terlatih demi meningkatkan mutu kerja dan menjadi faktor kritikal di dalam menyumbang kemajuan ekonomi negara untuk terus bersaing dan mengubah Malaysia menjadi sebuah masyarakat yang berasaskan pengetahuan (*knowledge-based society*)[1].

Dalam alaf baru ini, peranan universiti semakin mencabar. Universiti dituntut memenuhi tanggungjawab melahirkan sumber tenaga kerja iaitu penjanaan modal insan yang cemerlang dan berketrampilan mengikut keperluan negara dan pasaran global. Universiti tidak lagi boleh dilihat sebagai menara gading yang gagah dengan status elit lantas terpisah

dengan keadaan masyarakat sekeliling. Universiti yang sifatnya memberi pendidikan adalah wadah pembinaan modal insan yang berkesan.

Tuntutan untuk memasyarakatkan universiti bermakna graduan yang dihasilkan perlu mempunyai cukup kemahiran untuk menyumbang kepada masyarakat. Pembentukan insan yang seimbang dari kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan oleh disokong kecerdasan Spritual (ES) serta sahsiah peribadi unggul adalah elemen-elemen utama yang harus diterapkan pada semua pelajar untuk menjadi seorang individu yang dinamik dan pragmatik serta menjadi aset negara yang berharga.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dibawah kepimpinan Yang Berbahagia Dato Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib cancellor UiTM pada tahun 2001 telah mengambil langkah proaktif di dalam penjaanaan modal insan yang berkualiti. Beliau telah mengilhamkan Ciri-ciri Model Graduan UiTM (Rajah 1) yang menjadi sebahagian daripada perancangan pembangunan pelajar melalui Pelan Strategi Pengurusan UiTM menjelang abad ke 21 yang pada ketika itu kepimpinan negara diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir Mohammed [2]. Pelan strategi tersebut merangka pelbagai aspek pengurusan universiti bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari 2001 hingga 2010. Model Graduan UiTM adalah bukti kesungguhan pengurusan UiTM memastikan kualiti graduan yang dihasilkan berada pada tahap tertinggi dengan meletakkan pembangunan modal insan yang holistik sebagai agenda penting universiti seperti yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Sahsiah Pelajar UiTM (Rajah 2) [3].

| MODEL GRADUAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | |
|--|---|
| 1. | <i>Berpengetahuan dan Berkemahiran</i> |
| 2. | <i>Kreatif, Konstruktif, Sainifik, Progresif, Inovatif, Kritikal, Global dan Analitikal</i> |
| 3. | <i>Rasional, Terbuka, Berpandangan Jauh, Berketerampilan, Bebas dan Yakin</i> |
| 4. | <i>Berdikari dan Berdaya Saing serta Mempunyai Ciri-Ciri Kepimpinan, Keusahawanan dan Kemahiran Pengurusan yang Tinggi</i> |
| 5. | <i>Mempunyai kecerdasan dan ketahanan mental dan fizikal yang berpanjangan.</i> |
| 6. | <i>Mempunyai Sifat Jati Diri, Patriotik, Berterima Kasih Dan Bersyukur</i> |
| 7. | <i>Bertakwa, Beretika dan Berakhlak Mulia serta Mempunyai Ciri-Ciri Personaliti yang Seimbang, Harmonis dan Holistik</i> |

Rajah 1: Ciri-Ciri Model Graduan Universiti Teknologi MARA [4]

| DASAR PEMBANGUNAN SAHSIAH PELAJAR UITM |
|---|
| <i>Membina sahsiah pelajar dengan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Model Graduan UiTM berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam Hadhari dan Pelan Integriti Nasional (PIN) ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai personaliti unggul</i> |

Rajah 2: Model Graduan Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Bagi merealisasikan hasrat UiTM melahirkan graduan (modal insan) mengikut acuannya (Model Graduan UiTM), maka satu program latihan pembangunan dan kepimpinan pelajar yang tersusun dan bersistematik telah dirancang dan dilaksanakan kepada semua graduan UiTM sepanjang tempoh pengajian mereka. Di samping pengisian akademik dan ko-kurikulum, graduan UiTM dikehendaki melalui modul-modul latihan pembangunan dan kepimpinan yang dilaksanakan sama ada di kolej-kolej kediaman mahu pun di fakulti tempat mereka belajar dibawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni [5]. Kandungan Program Modul Latihan Pembangunan dan

Kepimpinan Pelajar ini adalah selari dengan apa yang dihasrat oleh universiti dan negara. Secara lengkapnya kandungan modul ini telah mengambil kira semua aspek kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan oleh disokong kecerdasan Spritual (ES) ini termasuk kemahiran akademik, kepimpinan, jati diri, keusahawanan, kerohanian dan kerjaya.

Di samping program wajib yang telah diatur dan dirancang oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni terdapat juga aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar yang dirancang dan dilaksanakan di kolej-kolej kediaman. Aktiviti ini merupakan tambahan daripada aktiviti program wajib universiti dan dilaksanakan mengikut keperluan dan permintaan penghuni-penghuni di kolej kediaman yang terlibat.

3.0 Memperkasakan Modal Insan peranan Kolej Kediaman UiTM, Shah Alam

Asrama merupakan tempat menyediakan tempat tinggal atau penginapan kepada pelajar yang belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk penginapan pelajar seperti kolej kediaman, mahallah dan desasiswa di IPTA-IPTA yang lain. Di dalam konteks UiTM istilah Kolej digunakan untuk kemudahan penginapan yang disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Di kampus UiTM Shah Alam terdapat sebanyak 12 buah kolej kediaman yang memberi perkhidmatan penginapan (Jadual 1).

Jadual 1: Nama kolej kediaman yang terdapat di UiTM Kampus Shah Alam.

| Bil. | Nama Kolej | Kapasiti Muatan (orang) |
|---------------|-------------------------|-------------------------|
| 1. | Kolej Seroja | 1,320 |
| 2. | Kolej Cempaka/Kenanga | 1,200 |
| 3. | Kolej Perindu | 1,900 |
| 4. | Kolej Anggerik | 800 |
| 5. | Kolej Delima | 860 |
| 6. | Kolej Teratai | 1,800 |
| 7. | Kolej Mawar | 3,500 |
| 8. | Kolej Melati | 3,500 |
| 10. | Kolej Jati | 1,470 |
| 11. | Kolej Meranti / Cendana | 1,280 |
| 12. | Kolej Cemara / Akasia | 3,000 |
| 13. | Kolej Puncak Perdana | 3,500 |
| JUMLAH | | 24,130 |

Peranan kolej kediaman bukan sahaja menyediakan perkhidmatan penginapan yang memberi khidmat sokongan, kemudahan dan apa jua keperluan untuk menjadikan kemajuan akademik meningkat serta proses pembelajaran berkesan. Kolej kediaman juga memainkan peranan di dalam proses pembentukan diri dan keperibadian pelajar di dalam aktiviti pembangunan dan kepimpinan diri. Hal ini sama juga di universiti-universiti lain seperti mana yang dinyatakan oleh Jamaludin [6], antara matlamat mengadakan kolej kediaman adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pengalaman yang menyeronokkan dan berfaedah bagi memangkin kejayaan akademik
2. Memberi hak pelajar untuk “privacy”, keselamatan diri dan harta peribadi semasa berada di universiti
3. Mewujudkan persekitaran yang bersesuaian untuk keperluan peribadi bagi mencapai prestasi diri yang baik
4. Melahirkan generasi pelajar yang bertanggungjawab, berbudaya ilmu, pintar bermasyarakat, berkeimpinan tinggi, mampu bersaing di peringkat antarabangsa, berakhlak mulia dan berbudaya bangsa.

Dalam konteks memperkasakan modal insan, kolej kediaman memainkan peranan yang bermakna yang menyokong fungsi pusat pengajian atau fakulti yang memberi input kemahiran berat dalam bentuk akademik. Sebahagian masa pelajar banyak digunakan di kolej kediaman selain daripada di fakulti. Justeru itu, banyak aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar diatur dan dilaksanakan kepada pelajar untuk memberi input kemahiran ringan (soft skill), kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan dan lain-lain kemahiran. Jadual 2 menunjukkan kategori aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memperkasakan modal insan yang dilaksanakan di kolej-kolej kediaman di UiTM Shah Alam.

Jadual 2: Kategori aktiviti pelajar di kolej-kolej kediaman di UiTM Shah Alam

| Bil. | Kategori / Jenis Aktiviti |
|------|---------------------------|
|------|---------------------------|

| | |
|-----|-------------------------|
| 1. | Kebudayaan |
| 2. | Sukan dan Rekreasi |
| 3. | Inovasi |
| 4. | Sosial / Kemasyarakatan |
| 5. | Kerohanian |
| 6. | Kepimpinan |
| 7. | Patriotik |
| 8. | Keusahawanan |
| 9. | Akademik |
| 10. | Pengantarabangsaan |

4.0 Cabaran Memperkasakan Modal Insan di Kolej Kediaman, UiTM Shah Alam

Aktiviti yang dilaksanakan di kolej-kolej adalah dirancang secara bersama antara Pengurusan Kolej, Pegawai Pembangunan Pelajar dan juga Jawatankuasa Perwakilan Kolej serta mengambil kira keperluan dan permintaan daripada penghuni kolej. Di dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan untuk memperkasakan modal insan di kolej kediaman pelbagai cabaran yang perlu ditangani dan diatasi. Cabaran-cabaran yang dibincangkan ini merupakan perkara-perkara yang sering berlaku di kolej-kolej kediaman UiTM Shah Alam di dalam mengatur gerak kerja memperkasakan modal insan.

4.1 Kepimpinan Pelajar

Kepimpinan pelajar merupakan penergerak utama di dalam merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti di kolej kediaman. Kepimpinan pelajar yang dimaksudkan di sini merupakan wakil pelajar yang dilantik oleh pengurusan kolej untuk menganggotai Jawatankuasa Perwakilan Kolej. Jawatankuasa ini yang bertanggungjawab mewakili seluruh penghuni kolej sama ada di dalam hal yang berkaitan dengan kemudahan, kebajikan dan juga aktiviti pelajar. Jawatankuasa ini dilantik bagi tempoh dua semester pengajian.

Pada setiap awal semester pengajian, Jawatankuasa Perwakilan Kolej akan merangka dan merancang aktiviti yang ingin dilaksanakan pada semester tersebut. Perancangan aktiviti oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej dilakukan dengan bantuan dan khidmat nasihat Pegawai Pembangunan Pelajar. Selepas itu, perancangan yang disediakan melalui kertas kerja perlu dikemukakan kepada Pengurusan Kolej untuk kelulusan bagi mendapat peruntukan kewangan.

Kejayaan sesuatu aktiviti di kolej bergantung kepada perancangan dan strategi yang diatur oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej. Ini disebabkan tenaga penergerak utama pelaksanaan aktiviti adalah Jawatankuasa Perwakilan Kolej. Justeru itu, daya kepimpinan, pengalaman dan komitmen Jawatankuasa Kolej Kediaman merupakan faktor penentu di dalam kejayaan pelaksanaan aktiviti di kolej kediaman.

Adalah menjadi cabaran bagi Pengurusan Kolej untuk mengenalpasti dan melantik penghuni kolej yang berkelayakan dan berkebolehan untuk menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Kolej. Proses pemilihan dilaksanakan melalui pencalonan diri dan sesi temuduga. Sering kali Pengurusan Kolej menerima pencalonan daripada pemohon yang kurang kelayakan atau kebolehan dan ini menyukarkan untuk melantik mereka yang benar-benar layak. Faktor imbuhan seperti diberi kemudahan penginapan kolej merupakan faktor motivasi utama pelajar memohon untuk menganggotai Jawatankuasa Perwakilan Kolej. Oleh yang demikian, hanya segelintir sahaja pelajar yang benar-benar ingin memberi khidmat dan menjadi pemimpin pelajar demi untuk menjaga kepentingan umum (penghuni kolej).

4.2 Pegawai Pembangunan Pelajar (Felo)

Pegawai Pembangunan Pelajar atau juga dikenali sebagai *Resident Staf* adalah pegawai yang terdiri daripada kakitangan universiti yang tinggal di kolej kediaman. Pegawai Pembangunan Pelajar yang dilantik terdiri sama ada dikalangan pensyarah atau pentadbir (Kumpulan A atau B). Pegawai Pembangunan Pelajar merupakan satu jawatan yang penting di kolej kediaman khususnya di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pegawai Pembangunan Pelajar merupakan individu atau pegawai yang terdekat untuk dihubungi oleh pelajar untuk berkongsi atau mengadu masalah di kolej kediaman. Pegawai Pembangunan Pelajar memainkan pelbagai peranan dan tanggungjawab bagi memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar yang berada di kolej kediaman. Antara peranan dan tanggungjawab Pegawai Pembangunan Pelajar adalah seperti menjadi penjaga (ayah/ibu angkat), mentor, penasihat, *warden* atau penguatkuasa dan sebagainya [7, 8]. Tugas sebagai Pegawai Pembangunan Pelajar dewasa ini semakin mencabar dan kompleks. Pegawai Pembangunan Pelajar berhadapan dengan pelbagai ragam, karenah dan masalah disiplin serta pelbagai isu pelajar yang kompleks.

Seramai 103 orang Pegawai Pembangunan Pelajar telah dilantik dan ditempatkan di kesemua kolej-kolej kediaman di UiTM Shah Alam. Secara puratanya nisbah antara seorang Pegawai Pembangunan Pelajar dengan bilangan pelajar adalah di antara 200 orang hingga 300 orang pelajar. Perbezaan nisbah ini disebabkan bentuk struktur bangunan kolej yang mempengaruhi bilangan pelajar dan juga zon atau ruang yang dikawal selia oleh Pegawai Pembangunan Pelajar. Pelantikan Pegawai Pembangunan Pelajar adalah berdasarkan permohonan calon yang kemudiannya akan ditemuduga bagi memastikan Pegawai yang dilantik benar-benar dapat hidup bermasyarakat dengan pelajar dan mempunyai minat dan komitmen untuk membimbing serta membangunkan pelajar.


Dalam konteks memperkasakan modal insan, Pegawai Pembangunan Pelajar bertanggungjawab dan bertindak sebagai penasihat dan pembimbing di dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan pelajar di kolej-kolej kediaman di UiTM Shah Alam. Setiap aktiviti yang dirancang dan ingin dilaksana di kolej kediaman harus mempunyai penasihat aktiviti sebelum dikemukakan ke jawatankuasa untuk kelulusan. Pegawai Pembangunan Pelajar yang bertindak sebagai penasihat aktiviti akan memberi bimbingan, khidmat nasihat dan memantau pelaksanaan aktiviti. Di samping itu, Pegawai Pembangunan Pelajar juga bertanggungjawab memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar di kolej kediaman serta membantu pengurusan kolej untuk memastikan persekitaran kolej sentiasa dalam suasana kondusif untuk menyokong proses pembelajaran.

Bagi memastikan Pegawai Pembangunan Pelajar dapat memainkan peranan yang bermakna untuk memperkasakan modal insan di kolej kediaman satu bentuk latihan yang khusus perlu diadakan kepada semua pegawai yang terbabit. Setakat ini Pegawai Pembangunan Pelajar yang baru dilantik tidak melalui satu proses latihan atau induksi yang piawai melainkan atas inisiatif pihak pengurusan kolej. Ketiadaan bentuk latihan yang awal menyebabkan mereka yang dilantik sebagai Pegawai Pembangunan Pelajar perlu mengambil masa untuk memahami dan melaksanakan tugas mereka di kolej kediaman. Di samping itu juga, ketiadaan satu bentuk program latihan yang berkala dan tersusun kepada Pegawai Pembangunan Pelajar menyebabkan sesuatu tugas itu dilaksanakan secara berbeza-beza di kolej-kolej kediaman. Ini merupakan satu cabaran yang harus diselesaikan segera demi memastikan semua Pegawai Pembangunan Pelajar menerima maklumat dan kemahiran yang diperlukan untuk memperkasakan diri mereka dan juga pelajar dibawa jajaan mereka.

4.3 Pengurusan Kolej

Pengurusan kolej kediaman di UiTM Shah Alam diketuai oleh Pengetua yang terdiri daripada pensyarah (kakitangan akademik) dan dibantu oleh kakitangan pentadbir dan sokongan iaitu Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia, Kerani dan Pembantu Am Rendah. Secara amnya komposisi struktur organisasi yang ada di kolej kediaman di UiTM Shah Alam boleh dianggarkan sebagai antara yang terbaik. Rajah 3 menunjukkan struktur organisasi pengurusan kolej kediaman UiTM Shah Alam. Peranan pihak pengurusan kolej adalah memastikan segala kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelajar sentiasa berfungsi serta diselenggarakan dengan baik.

Pengurusan kolej kediaman juga berperanan untuk melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung di dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar. Hal ini penting kerana pengurusan kolej bertanggungjawab bagi memastikan segala kemudahan dan peralatan serta perkhidmatan yang diperlukan di dalam pelaksanaan sesuatu program pembangunan dan kepimpinan pelajar dapat disediakan. Aktiviti-aktiviti yang memerlukan kemudahan dan peralatan tidak akan dapat dilaksanakan tanpa adanya perkara-perkara tersebut. Sebagai contohnya, Pelajar tidak mungkin dapat bermain sukan bola tampar jika tidak ada gelanggang, jaring dan bola tampar. Justeru itu, pengurusan kolej harus peka dan pro-aktif di dalam memahami keperluan dan kehendak pelajar yang selari dengan aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar yang bertujuan untuk memperkasakan modal insan.



Rajah 3: Struktur organisasi umum pengurusan kolej kediaman di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

4.4 Kemudahan

Bagi kolej-kolej kediaman yang terletak di luar kampus menghadapi cabaran dengan kemudahan yang terhad dan terbatas untuk melaksanakan aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar yang memerlukan ruang dan peralatan. Meskipun terdapat kemudahan yang dikongsi untuk kegunaan bersama seperti kemudahan sukan di Kompleks Sukan, namun jarak lokasi antara kolej kediaman dan kemudahan tersebut menjadi kekangan. Apatah lagi kepada pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kenderaan dan bergantung sepenuhnya dengan pengangkutan awam atau bas UiTM.

5.0 Kesimpulan

Fungsi kolej kediaman yang menyokong keperluan akademik turut memainkan peranan untuk membangun sahsiah peribadi pelajar dan seterusnya memperkasakan modal insan seperti mana yang dihasratkan oleh pucuk kepimpinan negara. Meskipun terdapat pelbagai cabaran untuk memperkasakan modal insan di peringkat kolej kediaman, usaha yang terancang dan kerjasama serta penglibatan semua pihak adalah perlu demi merealisasikan hasrat tersebut.

Rujukan:

- [1] Zainol, A.A.R. 1999. National Workforce Transformation. *Proceedings of the 4th National Conference on the Civil Service*, Kuala Lumpur

- [2] *Penstrukturan Universiti Teknologi MARA: 2001 – 2010*. UiTM Shah Alam.
- [3] *Rancangan Malaysia Ke-9 Pembangunan Pelajar (Bahagian Hal Ehwal Pelajar): 2006-2010*. 2005. Universiti Teknologi MARA. UiTM Shah Alam.
- [4] *Model Graduan Universiti Teknologi MARA*. 2005. Pusat Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar, UiTM, Shah Alam.
- [5] Fairus Muhamad Darus, Norzalihan Ahmad dan Syed Yusainee Syed Yahya. 2005. *Modul Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar di Universiti Teknologi MARA: Visi dan Realiti*. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005.
- [6] Jamaludin Mohaiadin. 2005. *Kampus Universiti sebagai Institusi “Living-Environment”*. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005.
- [7] Fairus Muhamad Darus. 2005. *Tugas Pegawai Pembangunan Pelajar dan Kemahiran Kaunseling*. Kursus Asas Kaunseling Kepada Pegawai Pembangunan Pelajar. UiTM Melaka, Kampus Landun. 1 – 3 Jun 2005.
- [8] Fairus Muhamad Darus. 2006. *Peranan, Tanggungjawab dan Cabaran Pegawai Pembangunan Pelajar Di Kolej Kediaman Universiti Teknologi MARA*. Seminar Pembangunan Pelajar dan Urus Tadbir Kolej Kediaman Zon Timur, Universiti Teknologi MARA. UiTM Terengganu, Kampus Dungun. 23 – 25 Jun 2006.